

KULIAH ZOHOR

“Beramal Dengan Berfikir dan Ilmu”

Masjid Maarof | 8 Mei 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Ayat Al-Quran

إِذْ قَالَ لِأَيُّهِ وَقَوْمِهِ مَا هَذِهِ التَّمَاثِيلُ الَّتِي أَنْتُمْ لَهَا عَاكِفُونَ
قَالُوا وَجَدْنَا آبَاءَنَا لَهَا عَابِدِينَ
قَالَ لَقَدْ كُنْتُمْ أَنْتُمْ وَآبَاؤُكُمْ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

“(Ingatlah) ketika Ibrahim berkata kepada bapanya dan kaumnya: Patung-patung apakah ini yang kamu tekun beribadah kepadanya? Mereka menjawab: Kami mendapati bapa-bapa kami menyembahnya. Ibrahim berkata: Sesungguhnya kamu dan bapakmu berada dalam kesesatan yang nyata.” (Al-Anbiya’ : 52 - 54)

Pengajaran

1. Walau pun kita tahu akan kebatilan sesuatu perbuatan dan meyakini kebenaran ajaran kita, beri peluang kepada sasaran dakwah untuk menjelaskan perbuatan dan kepercayaannya - contoh dakwah dengan hikmah dan dialog yang terbaik
2. Kebenaran pegangan kita bukan sebab untuk terus serang sesuatu perbuatan atau kepercayaan tanpa beri peluang untuk menyampaikan hujah

3. Jangan sampai keyakinan pada kebenaran, menafikan hak orang lain untuk berhujah
 - Islam membenci kuku besi, tidak tertegak secara kuku besi

4. Melakukan sesuatu perbuatan berdasarkan ikut-ikutan (taklid) sahaja boleh jatuh dalam kekejian
 - walau pun ayat bercakap mengenai bukan Muslim, hukumnya berlaku pada Muslim

5. Demikian juga keanggotaan dalam mana-mana kumpulan, mesti atas dasar ilmu dan keyakinan, bukan ikut-ikutan
 - tambah buruk, bila memandang rendah orang lain kerana anggap mereka jahil

KULIAH ZOHOR

“Mengambil Kira Persepsi Umum”

Masjid Maarof | 8 Mei 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Ayat Al-Quran

يَقُولُونَ لَئِن رَّجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ الْأَعَزُّ مِنهَا الْأَذَلَّ وَلِلَّهِ
الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ

“Mereka berkata: Sesungguhnya jika kita telah kembali (dari Perang Bani Mustaliq) ke Madinah, benar-benar orang yang kuat (Abdullah bin Ubai dan kelompoknya) akan mengusir orang-orang yang lemah (Rasulullah s.a.w dan sahabat-sahabatnya). Padahal segala kemuliaan itu kepunyaan Allah, RasulNya dan orang-orang beriman tetapi orang-orang munafiq itu tidak mengetahui.” (Al-Munafiqun : 7)

Pengajaran

1. Kata-kata di atas adalah tukilan dari kata-kata Abdullah bin Ubai bin Salul (ketua golongan Munafik) ketika dalam perjalanan pulang ke Madinah dari Perang Bani Mustaliq. Apabila kata-kata ini dilaporkan kepada Rasulullah s.a.w oleh sahabat yang mendengarnya, Umar r.a mencadangkan agar beliau dibunuh sahaja. Rasulullah s.a.w melarangnya dengan kata-kata, “Aku tidak mahu orang berkata Muhammad membunuh sahabatnya sendiri.”

Rujuk sebab turun ayat ini dalam buku tafsir.

2. Memberi pertimbangan pada pandangan manusia dan masyarakat terhadap tindakan kita adalah wajar dan pernah menjadi pertimbangan Rasulullah s.a.w sebagai sebahagian dari kebijaksanaan dalam berdakwah dan beramal dengan Islam.

3. Walau pun pertimbangan ini tidak wajib, tetapi kepentingannya bergantung dengan kecil atau besar maslahat yang perlu dijaga dalam mengambil kira pandangan orang lain - semakin besar mudarat, semakin penting pertimbangan terhadapnya

4. Walau pun amalan agama seharusnya bersifat mengislah (merubah) dan tidak konformis (conformist) tetapi mengabaikan sama sekali pandangan masyarakat adalah tidak wajar
 - yang seperti itu, adalah pendakwah kepala batu dan egois.

5. Mengamalkan agama tidak akan mampu untuk menggembirakan semua pihak
 - perlu bimbingan Allah taala dalam membuat pertimbangan seperti ini; bila perlu meraikan pandangan masyarakat dan bila tidak perlu
 - perlu jaga hubungan yang rapat dengan Allah taala, doa yang berterusan, istikharah dalam membuat keputusan dan bersyura adalah satu keperluan bagi Muslim.